

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333)

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PERHENTIAN BAGI KENDERAAN-KENDERAAN
PERKHIDMATAN AWAM) (WPKL) 2012**

P.U. (A) 85/2012

SENARAI PINDAAN :

1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

P.U. (A) 85.**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987****PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERHENTIAN BAGI KENDERAAN-KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Dato Bandar Kuala Lumpur, dengan persetujuan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Perhentian bagi Kenderaan-Kenderaan Perkhidmatan Awam) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012**.

Perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam

2. Tanah di atas No. Lot P.T. 188 (No. Hakmilik H.S. (D) 95206) Seksyen 48, Bandar Kuala Lumpur dengan keluasan 17,988.915 meter persegi yang dikenali sebagai Hentian Putra hendaklah digunakan sebagai perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam.

Syarat ke atas mana-mana orang yang memandu kenderaan perkhidmatan awam di perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam

3. (1) Mana-mana orang yang memandu kenderaan perkhidmatan awam di perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam hendaklah—

- (a) mengambil dan menurunkan penumpang dan barang mereka; dan
- (b) mencuci, membaiki dan memeriksa kenderaan-kenderaan perkhidmatan awamnya,

di tempat yang ditetapkan bagi maksud itu.

(2) Dato Bandar Kuala Lumpur boleh mengenakan apa-apa syarat lain yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk dikenakan.

Larangan ke atas mana-mana orang yang memandu kenderaan perkhidmatan awam di perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam

4. Mana-mana orang yang memandu kenderaan perkhidmatan awam pada setiap masa di perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam tidak boleh—

- (a) dengan sengaja menghalang mana-mana orang lain yang memandu kenderaan perkhidmatan awam daripada—
 - (i) berhenti bagi maksud mengambil dan menurunkan penumpang; atau

-
- (ii) bergerak keluar dari kawasan perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam itu; dan
- (b) memberhentikan, meletakkan, menempatkan atau meninggalkan kenderaan perkhidmatan awamnya dalam jarak lima meter dari jalan masuk atau keluar bagi maksud berehat atau menunggu untuk mengambil penumpang.

Dibuat 29 November 2011
[JHEU2/21/2010; PN(PU²)460/LXVI]

TAN SRI AHMAD FUAD BIN ISMAIL
Dato Bandar Kuala Lumpur

Dipersetujui 23 Februari 2012
[KWPKB(S): 24/PUU/698/1/1/48; PN(PU²)460/LXVI]

DATO' SERI KONG CHO HA
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (STANDS FOR PUBLIC SERVICE VEHICLES) (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) ORDER 2012

In exercise of the powers conferred by section 72 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Dato Bandar Kuala Lumpur, with the concurrence of the Minister, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Road Transport (Stands for Public Service Vehicles) (Federal Territory of Kuala Lumpur) Order 2012**.

Stands for public service vehicles

2. The land on the Lot No. P.T. 188 (Title No. H.S. (D) 95206) Section 48, City of Kuala Lumpur measuring an area of 17.988.915 square metres which is known as Hentian Putra shall be used as a stand for public service vehicles.

Conditions on any person driving a public service vehicle at the stands for public service vehicles

3. (1) Any person driving a public service vehicle at the stands for public service vehicle shall—

- (a) take up or set down passengers and their goods; and
(b) wash, repair or inspect his public service vehicle.

at the place specified for that purpose,

(2) The Dato Bandar Kuala Lumpur may impose any other conditions as he thinks necessary or expedient to impose.

Prohibition on any person driving a public service vehicle at the stands for public service vehicles

4. Any person driving a public service vehicle at any time at the stands for public service vehicles shall not—

- (a) willfully obstruct any other person driving a public service vehicle from—
 - (i) stopping for the purpose of taking up or setting down passengers; or
 - (ii) moving out from the stands for public service vehicles area; and
- (b) stop, park, station or leave his public service within five metres of the entrance or exit for the purposes of taking a rest or waiting for taking up passengers.

Made 29 November 2011
[JHEU2/21/2010; PN(PU²)460/LXVI]

TAN SRI AHMAD FUAD BIN ISMAIL
Dato Bandar Kuala Lumpur

Concurred 23 February 2012
[KWPKB(S): 24/PUU/698/1/1/48; PN(PU²)460/LXVI]

DATO' SERI KONG CHO HA
Minister of Transport

Hakeipta Peneetak (11)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada manfa atau bahagian jua dampa pada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau distarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, takaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Peneetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PELAKU DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA